

Malaysia dan Filipina menjalin ikatan baru

Daripada
KHALID MOHD.

MANILA 3 Feb. — Malaysia dan Filipina hari ini menjalin ikatan baru dengan azam memperkukuhkan hubungan, melupakan masalah lama dan membina satu masa depan yang akan membawa kemakmuran kepada kedua-dua buah negara serta rantau Asia Tenggara.

Keikhlasan dalam hubungan yang diperbaharui ini jelas terpancar bila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Presiden Fidel Ramos muncul daripada pertemuan empat mata mereka dan menegaskan bahawa hubungan Malaysia-Filipina kini berada pada satu peringkat baru yang belum pernah tercapai sebelum ini.

Pertemuan mereka yang berlangsung di Istana Malacanang hanya menumpukan kepada perkara-perkara pembangunan, kegiatan ekonomi, perdagangan serta kerjasama yang bakal diperluaskan bagi faedah bersama.

Simbol persahabatan

Isu Sabah yang sekian lama menjadi duri dalam daging dalam hubungan Kuala Lumpur-Manila langsung tidak disentuh - mencerminkan betapa kedua-dua pemimpin itu berazam untuk membawa hubungan negara mereka ke suatu era baru.

Sebagai simbol persahabatan baru itu, Dr. Mahathir menghadiahkan Proton Limousine kepada Ramos selepas perbincangan mereka.

Kedua-dua pemimpin itu juga menyaksikan upacara menandatangani sembilan Memorandum Persefahaman (MOU) antara pihak Filipina dengan sektor swasta Malaysia yang meliputi pelbagai projek.

Bercakap dalam sidang akhbar bersama untuk memaklumkan hasil perbincangan mereka, Dr. Mahathir berkata: "Lawatan saya menandakan satu peringkat baru dalam hubungan Malaysia-Filipina.

"Kedua-dua negara pernah ada masalah yang mengganggu hubungan sehingga tidak ada Perdana Menteri Malaysia melawat Filipina selama 30 tahun.

■ Lihat muka 2

Malaysia dan Filipina menjalin hubungan baru

"Saya rasa semua ini sudah berlanjutan terlalu lama dan masanya sudah sampai kita menyelesaikannya dan mara ke hadapan dalam hubungan baru yang bermakna.

Presiden Ramos pula berkata, jemputan Kerajaan Malaysia kepadanya untuk melawat Kuala Lumpur tahun lalu merupakan satu keputusan yang berani dan berpandangan jauh yang akhirnya berjaya membuka era baru dalam hubungan kedua-dua buah negara yang telah begitu lama dingin.

"Jemputan Malaysia dan lawatan saya sesungguhnya telah membuka satu era baru dalam hubungan Malaysia-Filipina.

"Sejak itu segala-galanya telah berubah dan lawatan Dr. Mahathir hari ini memberikan daya dan semangat yang semakin bertambah dalam proses mengangkat hubungan ini ke tahap yang lebih tinggi dan akrab," katanya.

Menghuraikan hasil perbincangan mereka, Dr. Mahathir berkata, terdapat banyak ruang untuk kerjasama antara kedua-dua buah negara terutama sekali dalam konsep pertumbuhan kawasan yang diusahakan bersama oleh negara-negara anggota ASEAN.

Beliau yakin pihak swasta Malaysia akan menjalinkan lebih banyak usahasama dengan rakan-rakan mereka di sini seperti yang dicerminkan oleh sembilan MOU yang ditandatangani hari ini.

Katanya, dengan suasana dan semangat

baru yang wujud sekarang ini aktiviti perdagangan juga tentunya akan bertambah dan dapat mengurangkan jurang imbalan yang buat masa ini menguntungkan Malaysia.

Di samping itu tambah beliau, kedua-dua negara juga boleh bekerjasama dalam industri komunikasi, perikanan, pelancongan dan sebagainya.

"Kami merasakan masa dan suasananya sekarang sungguh tepat bagi kedua-dua buah negara menjalinkan kerjasama dalam pelbagai bidang.

"Kami telah mencapai kemajuan yang sungguh menggalakkan dan masa akan menyelesaikan apa juga masalah yang ada," ujar Perdana Menteri.

Kedua-dua pemimpin itu juga menegaskan bahawa mulai sekarang mereka akan menggunakan setiap ruang yang wujud untuk berjumpa secara lebih kerap bagi membincangkan hal-hal hubungan dua hala yang menjadi kepentingan bersama.

Menjawab pertanyaan tentang keselamatan rantau ini, Dr. Mahathir menegaskan, Malaysia lebih suka melihat jiran-jirannya sebagai rakan dan bukan sebagai musuh.

Katanya, beliau tidak percaya masalah keselamatan boleh diselesaikan dengan mempunyai angkatan tentera yang besar dan menambah bahawa apabila wujud kestabilan dan kemakmuran soal keselamatan tidak akan menjadi masalah. — Utusan.